



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNI 28 OGOS 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|--|---|
| 1. | PAMERAN LEMBU SADO, MEOW FIESTA TARIKAN SAMBUTAN HARI VETERINAR, NASIONAL, SH -23 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 2. 3. | JUALAN AGRO MADANI DI KEDAH CATAT RM2.15aj, KOSMO, NEGARA -6 JUALAN AGRO MADANI CATAT RM49 JUTA, UTUSAN SARAWAK -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4. 5. | MARDI MOHON PERUNTUKAN RM400 JUTA UNTUK RMK13, BERITA RTM -ONLINE SHOW-TECH MARDI CATAT JUALAN TUNAI CECAH RM2.7 JUTA, UM -ONLINE | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 6. | AGROBANK PERLUAS URUS NIAGA TANPA TUNAI DI ULU TEMBELING, DALAM NEGERI, UM -9 | AGROBANK |
| 7. | UMT CIPTA UNJAM MODEN BANTU NELAYAN, NEGARA, KOSMO -17 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pameran lembu sado, Meow Fiesta tarikan Sambutan Hari Veterinar

PUTRAJAYA - Pameran lembu sado, jualan pelbagai jenis baka kambing dan Meow Fiesta (Pertandingan Kucing Cantik) menjadi tarikan sempena Sambutan Hari Veterinar dan Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2023 anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Program yang berlangsung di Laman Ternakan, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang itu bermula sejak Khamis lalu dan berakhir pada Ahad.

DVS menerusi satu kenyataan pada Sabtu memaklumkan, pelbagai aktiviti lain turut diadakan termasuk jualan produk berasaskan ternakan dan Klinik Veterinar.

"Bersesuaian dengan tema sambutan Hari Veterinar pada tahun ini iaitu Menggalakkan Keperibogaian, Ekuiti dan Keterangkuman dalam Profesion Veterinar yang menumpukan kepada pengiktirafan usaha dan sumbangan veterinar ke arah meningkatkan kesejahteraan profesion veterinar melalui keperibogaian aktiviti bidang keperibogaian semakin mencabar.



Aktiviti pameran dan jualan pelbagai jenis baka haiwan ternakan memeriahkan lagi sambutan yang berakhir pada Ahad.

"Selain itu ia turut menonjolkan tugas veterinar dalam mengawal penyakit zoonotik dan rentas sempadan meliputi keselamatan haiwan," kata kenyataan itu.

DVS menjelaskan, sambutan Hari Kebajikan Haiwan diadakan untuk memberikan kesedaran awam kepada masyarakat di Malaysia berhubung tanggungjawab, lhasan, kasih sayang dan keprihatinan kepada haiwan.

Dalam hal berkaitan keselamatan makanan berasas-



Lembu sado dipamerkan sempena Sambutan Hari Veterinar dan Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2023 di MAEPS Serdang.

barang risiko penyakit ini, DVS sentiasa memastikan semua pengimportan ternakan hidup adalah mengikut protokol dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, tindakan penggantungan ber-sifat sementara juga diambil sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya dakwaan pihak berkuasa Indonesia itu benar, memandangkan Malaysia turut mengimport lembu dan kerbau dari Australia.

Bagaimanapun, pengimportan daging lembu dari Australia masih dibenarkan.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan DVS akan terus mengadakan ilbat urus bersama pemain industri yang berperanan penting dalam rantaian pengeluaran bekalan makanan berasaskan ternakan agar kekal terjamin dan memastikan kejadian penyakit haiwan ternakan dalam negara terkawal," kata kenyataan itu.

Jualan Agro Madani di Kedah catat RM2.15j

SUNGAI PETANI – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM2.15 juta menerusi Program Jualan Agro Madani (PJAM) di 111 lokasi jualan di negeri ini dari Januari lalu hingga bulan ini.

Pengarahnya, Zuriana Mat Adam berkata, menerusi program itu, penjimatan sebanyak RM646,784 dapat dilakukan apabila barangan dijual dengan potongan harga iaitu antara lima hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran.

"PJAM menawarkan pelbagai barangan antaranya produk segar seperti ayam, ikan, daging dan barangan kawalan iaitu gula, minyak masak, tepung dan beras.

"Ini merupakan usaha FAMA untuk membantu meringankan beban semua golongan termasuk B40 selain membolehkan 1,097 peniaga mempunyai lokasi memasarkan produk jualan mereka," katanya ketika ditemui pada pelancaran Jualan Khas Agro Madani (JKAM) di Tapak Pasar Tani Jalan Peteri, di sini semalam.

Katanya, pelanggan yang me-



ZURIANA (dua dari kiri) ketika ditemui pada program Jualan Khas Agro Madani di Tapak Pasar Tani Jalan Peteri, Sungai Petani semalam.

ngunjungi JKAM itu berpeluang mendapatkan barangan di bawah pakej Kombo Agro Madani ber- harga RM6.60 yang mengandungi 10 biji telur ayam, satu pek- nyak masak satu kilogram, bihun, set kordial sirap serta bawang be- sar dan bawang merah.

"Sayur-sayuran segar berdaun juga dijual pada harga RM1 bagi seikat selain buah-buahan tempatan yang boleh didapati dengan harga rendah.

"Ini semua ditawarkan oleh peniaga bertujuan membantu rakyat di kawasan bandar dalam menangani kesan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat," ujarnya.

Katanya, FAMA dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan meluaskan jualan PJAM meli- puti kawasan perumahan dan di- pekarangan pejabat kerajaan ter- pilih di negeri ini.

"Sebelum ini kita hanya me- nganjurkan PJAM di Pasar Tani dan Pasar Tani Kekal FAMA di seluruh negeri tetapi selepas catat jualan memberangsangkan, program ini akan diperluaskan di- kediaman dan tempat tumpuan.

"PJAM ini kelak dijangka mem- beri peluang lebih ramai peniaga menjana pendapatan selepas mendapat peluang memasarkan produk mereka berbanding 1,097 peniaga sedia ada yang berdaftar dengan kita sekarang," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|----------------|---------|------------|
| 28/8/2023 | UTUSAN SARAWAK | ONLINE | |

Jualan Agro MADANI catat RM49 juta



BAGAN SERAI, 26 Ogos -- Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Datuk Azulita Salim (dua, kanan) melakukan demo masakan produk usahawan mee rebus acar ikan masin dengan dibantu pengusahanya Siti Rohani Mohd Zaini (kanan) pada Program Jelajah Jualan AgroMADANI Peladang Outlet Usahawan LPP Perak di Dewan Dato Zainal Abidin Zin, hari ini. --fotoBERNAMA (2023) HAK CIPTA TERPELIHARA

BAGAN SERAI: Penganjuran Program Jualan Agro MADANI oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sejak April lalu berjaya mencatat nilai RM49 juta setakat ini.

Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim berkata pelbagai hasil agromakanan antaranya daging lembu, ayam, sayursayuran, buah-buahan, produk hasil laut serta produk sejuk beku dijual pada 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

Beliau berkata, setakat ini sebanyak 126 kawasan terpilih menganjurkan program tersebut dan diperluaskan di seluruh negara secara berperingkat.

“Harga yang dijual di sini amatlah berpatutan kerana kita tidak melalui harga pasaran, peruncit dan pemborong.

“Produk yang dijual merupakan hasil tanaman peladang dan Pertubuhan Peladang Negeri serta produk oleh usahawan industri kecil dan sederhana,” katanya ketika ditemui pemberita pada Program Jualan Agro MADANI peringkat LPP Negeri Perak di Dewan Dato’ Zainal Abidin Zin, di sini semalam.

Azulita berkata selain LPP, program jualan itu turut mendapat kerjasama daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang turut memasarkan pelbagai produk keluaran agensi terbabit.

“Orang ramai perlu merebut peluang (membeli pelbagai barangan di program jualan berkenaan) kerana harga barangan yang dijual berpatutan sekali gus mengurangkan bebanan pengguna yang terkesan dengan kenaikan harga barang,” katanya.

Azulita berkata, program jualan itu turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik dan bermanfaat untuk para pengunjung yang hadir seperti demonstrasi masakan oleh usahawan, ‘pocket talk’ bersama-sama pengunjung serta jualan kombo Agro MADANI. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|------------|---------|------------|
| 28/8/2023 | BERITA RTM | ONLINE | |

MARDI mohon peruntukan RM400 juta untuk RMK13



SERDANG, 27 Ogos- Peruntukan berjumlah RM400 juta akan dipohon Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kepada kerajaan bagi menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D); untuk menjayakan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13).

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Mohammad Zabawi Abdul Ghani berkata jumlah itu dua kali ganda daripada yang diperoleh pada RMK12; iaitu RM200 juta bagi tempoh kegunaan lima tahun.

"Ini terlalu sedikit jika dibandingkan dengan peruntukan untuk menjalankan R&D...sama juga mungkin RMK13, kita minta lebih lagi.

"Tetapi ini terpulang penilaian pusat untuk memberi peruntukan kepada kita. Kita akan minta hingga RM400 juta, dua kali ganda daripada sekarang," katanya.



(Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohammad Zabawi Abdul Ghani)

Beliau ditemui selepas penutupan Majlis ShowTech 2023 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini hari ini.

Program tiga hari itu berjaya menarik lebih 300,000 pengunjung dengan hasil kutipan mencecah lebih RM2.7 juta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|---------|------------|
| 28/8/2023 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

Show-tech MARDI catat jualan tunai cecah RM2.7 juta



PENGERUSI MARDI Corporation Sdn Bhd, Norhalim Sirome (kiri) menerima Penghargaan sebagai Rakan Strategik SHOWTECH MARDI 2023 daripada Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI, Dr. Azman Ismail disaksikan Mohammad Zabawi Abdul Ghani. - IHSAN MARDI

PETALING JAYA: Penganjuran Pameran Teknologi dan Inovasi Pertanian atau Show-tech 2023 mendapat sambutan luar biasa dengan kehadiran pengunjung melebihi 300,000 orang selain anggaran jualan tunai yang dicatatkan turut mencecah RM2.7 juta sepanjang tiga hari program ini berlangsung.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr. Mohammad Zabawi Abdul Ghani berkata, pihak penganjur turut berjaya melaksanakan 168 padanan perniagaan dengan nilai potensi berjumlah RM15.1 juta.

“Selain itu, lebih 300 teknologi agromakanan dipamerkan, 103 teknologi dirunding di bawah pepadanan perniagaan, sembilan memorandum perjanjian di antara MARDI dengan syarikat swasta dimeterai, empat produk inovasi baharu dilancarkan, 28 penyerahan teknologi direalisasikan dan dua buku baharu terbitan MARDI dilancarkan,” katanya dalam kenyataan.

Show-tech 2023 berlangsung sejak 25 hingga 27 Ogos diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang..

Mohammad Zabawi menambah, penganjuran pameran yang bertemakan ‘Peneraju Inovasi Agroteknologi’ ini sangat bertepatan dengan aspirasi bagi mengangkat inovasi teknologi sebagai strategi penting ke arah menjamin bekalan makanan supaya kekal cukup dan tersedia buat semua rakyat Malaysia.

“Kejayaan pelaksanaan aktiviti di sepanjang ShowTech MARDI 2023 secara langsung telah menunjukkan pencapaian objektif penganjuran iaitu sebagai platform perkongsian hasil penyelidikan MARDI kepada masyarakat umum selain memberi kesedaran tentang kewujudan teknologi serta inovasi tempatan yang boleh diguna pakai di dalam sektor agromakanan negara,” tambahnya. – [UTUSAN](#)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 28/8/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

Agrobank perluas urus niaga tanpa tunai di Ulu Tembeling

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@medianulla.com.my

JERANTUT: Kira-kira 5,000 penduduk termasuk peniaga di lima buah kampung mukim Ulu Tembeling 'menapak' ke arah era digital dalam aspek urusan niaga tanpa tunai (*cashless*) apabila Agrobank melancarkan Program Kampung *Cashless* di Kampung Bantal dekat sini.

Ketua Pegawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi berkata, matlamat utama program itu adalah untuk memberi pendedahan sambil meningkatkan pemahaman kepada para peniaga terutama dalam sektor peruncitan serta penduduk kampung berkaitan operasi perniagaan berkonsepkan digital iaitu urus niaga tanpa tunai.

"Kemudahan digital ini termasuklah kemudahan aplikasi DuitNow menggunakan kod QR.

"Program ini merupakan sebahagian daripada sinergi Agrobank bersama Bank Negara Malaysia Wilayah Timur dan pihak Tourism Pahang dalam usaha meningkatkan lagi urus niaga tanpa tunai melalui penggunaan kod QR terutama di kawasan pedalaman dan tumpuan pelancong seperti di Ulu Tembeling, Jerantut," katanya selepas pelancaran Program Kampung *Cashless* mukim Ulu Tembeling di Kampung Bantal, dekat sini, semalam.

Pelancaran program tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Pahang, Leong Yu Man.

Menurut Zahid, inisiatif tersebut bakal memberi kemudahan kepada semua penduduk di Kampung Bantal, Kampung Mat Daling, Kampung Kuala Sat dan Kampung Pagi juga sebahagian penduduk Orang Asli di Kampung Cangkuk dan Kampung Aur Empat.

"Peranan Agrobank adalah sebagai pemudah cara kepada proses pembukaan akaun, pendaftaran kad debit serta perbankan internet.

"Selama tiga hari berkampung di sini, program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk setempat terutama peniaga kecil di kampung yang terlibat berikutan ramai yang ingin turut serta dan tidak mahu ketinggalan dengan trend terkini yang menggunakan kod QR dalam urusan transaksi harian," katanya. Sementara itu, Presiden



LEONG YU MAN (depan, tengah) dan **Zahid Ahmad Zawawi** (dua dari kanan) bersama kakitangan Agrobank serta Bank Negara Malaysia selepas pelancaran Program Kampung *Cashless* Mukim Ulu Tembeling di Kampung Bantal, Jerantut, semalam.

merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, inisiatif berkenaan mendedahkan kepada peniaga dan penduduk kampung dalam melakukan transaksi pembayaran berkonsepkan digital, sekaligus memupuk aktiviti pembayaran yang lebih mudah dan selamat.

"Inisiatif *cashless* ini bakal memberikan kelebihan kepada peniaga untuk pengurusan kewangan yang lebih efisien, peluang perkembangan perniagaan, mempelbagaikan pilihan pembayaran serta pengurusan inventori yang lebih berkesan," katanya.

Dalam pada itu, Leong Yu Man berkata, kerajaan negeri memuji usaha bersungguh-sungguh Agrobank dan Bank Negara

Malaysia yang sentiasa memberi sokongan positif terhadap hasrat untuk memastikan tiada siapa yang tertinggal dalam mendapat akses perbankan mudah dan selamat.

"Saya yakin dengan pelancaran program ini secara langsung membantu industri di Taman Negara dengan penyediaan mod pembayaran lebih mudah, cepat dan selamat melalui penggunaan DuitNow khususnya manfaat serta kemudahan terutamanya kepada pelancong luar yang datang ke Taman Negara dan perkampungan sekitar Ulu Tembeling," katanya.

Yu Man menjelaskan, statistik kedatangan pelancong ke Taman Negara Kuala Tahan pada 2022 telah menunjukkan peningkatan kepada 68,840 orang berbanding tahun sebelumnya, iaitu seramai 12,261 orang berikutan ancaman

pandemik Covid-19.

"Bagaimanapun, untuk tempoh bulan Januari hingga Julai tahun ini, angka kedatangan pelancong telah meningkat sebanyak 84 peratus dan trend ini amat memberangsangkan," katanya.

Selanjutnya, jelas Yu Man inisiatif tanpa tunai amat bertepatan dengan pembangunan era digital yang sudahpun mendominasi semua bidang dan bakal menjana perubahan kehidupan di Taman Negara apabila kebanyakan pengusaha bot penambang, peniaga, pemilik pusat inap dan pemandu pelancong telah mula mengguna pakai pembayaran secara digital tersebut.

"Senario ini sudah tentu dapat memastikan pengurusan kewangan yang lebih selamat, mudah dan efisien serta memberikan

satu gambaran bahawa Taman Negara ini telah menuju ke arah penggunaan transaksi tanpa tunai dan harapan saya keadaan yang mulia berlaku hari ini bagi penduduk Ulu Tembeling," katanya.

Ketua Kampung Bantal, Hamdan Ali, berkata, inisiatif Agrobank itu telah mengubah kehidupan penduduk kampung itu apabila melalui era digital dalam aspek urus niaga tanpa tunai yang lebih mudah dan cepat.

"Setelah diberikan penjelasan oleh pegawai Agrobank dan Bank Negara, keseluruhan penduduk di sini sudah memahami dan akan mengikuti program ini dalam urusan perniagaan khususnya berbelanja di kedai makan, kedai runcit dan tambang pengangkutan," katanya.

Hamdan berkata, penduduk di situ menerima dengan baik program pendigitalan kewangan itu yang akan melancarkan lagi urusan melibatkan pelancong luar dan pelawat domestik yang berkunjung ke kampung itu.

Seorang peniaga kedai makan, Rosnani Mat Tahar berkata, mulai sekarang, kedai makanannya sudah beroperasi tanpa tunai apabila dilengkapi dengan menggunakan kod QR bagi urusan pembayaran.

"Urusan ini lebih mudah dan cepat dan saya cuma mengira harga makanan dan bayaran dijelaskan menerusi kod QR khususnya manfaat bagi pengunjung luar yang datang ke sini saban hari," katanya.

Ujarnya, walaupun pada peringkat awal kebanyakan peniaga masih belum memahami, tetapi selepas menerima penerangan daripada kaki tangan Agrobank dan Bank Negara semuanya selesai (difahami) dalam masa yang singkat.



ZAHID AHMAD ZAWAWI (kiri) menyampaikan replika cek RM3,000 sumbangan zakat Agrobank untuk pelajar miskin kepada wakil Sekolah Kebangsaan Mat Daling selepas pelancaran Program Kampung *Cashless* di Kampung Bantal, Jerantut, semalam.



TETAMU jemputan turut cuba mengimbas kod QR tanpa tunai semasa pelancaran program *cashless* di Kampung Bantal, semalam.



SEBAHAGIAN unjam moden hasil inovasi UMT yang akan ditenggelamkan di sekitar perairan Tok Jembal, Kuala Nerus semalam.

Mampu tingkat pendapatan cecah RM2,000 sebulan

UMT cipta unjam moden bantu nelayan

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA NERUS – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya menghasilkan unjam moden yang lebih tahan lasak bagi membantu komuniti nelayan di Tok Jembal di sini, meningkatkan hasil pendapatan mereka sehingga RM2,000 sebulan.

Unjam itu berfungsi sebagai perumah buat ikan-ikan pelagik yang bernilai komersial selain mampu merosakkan pukuk tuna da yang menjadi ancaman kelestarian ekosistem pesisir pantai selama ini.

Najib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Mazlan Abd. Ghafar berkata, projek unjam moden itu merupakan program di bawah Skim Geran Pemindahan Ilmu dan Teknologi UMT bernilai RM20,000.

Menurutnya, produk hasil

inovasi pasukan penyelidik yang diketuai Dr. Fazrul Hisam, Abd. Aziz tersebut lebih tahan lama berbanding unjam konvensional, buatan nelayan tempatan.

"Unjam moden ini menggunakan pemberat yang diperbuat daripada gegelung konkrit berbanding gumi hasir dan tong plas-tik yang digunakan unjam tradi-sional.

"Gegelung konkrit bukan sahaja lebih tahan lama, malah boleh berfungsi sebagai tukul tiruan yang menjadi perumah buat ikan-ikan pelagik," katanya di Pantai Panjang, Tok Jembal, di sini semalam.

Terdahulu, beliau melepaskan 20 bot membawa 100 unjam moden yang akan ditenggelamkan di sekitar perairan Tok Jembal.

Mazlan berkata, daun kelapa dan teja yang ditenggelami ber-sama unjam moden akan menjadi

penarik kehadiran ikan ke unjam. Menurut kajian UMT mendapat, unjam moden tersebut mampu menarik kehadiran ikan pelagik seperti selar, kembung, kerisi dan selayang dalam tempoh seawal seminggu.

"Unjam moden tersebut juga mampu merosakkan pukuk tuna da yang sering menceroboh dan menjadi ancaman kepada kelestarian ekosistem pesisir pantai selama ini.

"Projek perintis di Pantai Tok Jembal ini disasar memberi man-faat kepada 2,500 nelayan setempat," ujarnya.

Tambahnya, unjam moden tersebut diharapkan mampu meningkatkan lagi populasi ikan di pesisir pantai terbabit, sekali gus merangsang tangkapan nelayan tradisional dan meningkatkan pendapatan mereka sehingga RM2,000 sebulan.